

CNS4172

U GB 15-04 00151 BH799

Bah

PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA TERTINGGI DI DUNIA

Mahathir - Ekonomi

MELAKA, 15 April (Bernama) -- Pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah yang tertinggi di dunia sebagaimana mengikut laporan Bank Dunia baru-baru ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia adalah negara yang paling pesat membangun di Asean, yang juga merupakan rantau paling pesat membangun di dunia.

+Kalau dulu negara kita kecil, miskin dan mundur tetapi hari ini alhamdulillah,+ katanya semasa berucap merasmikan bangunan Graha Makmur iaitu bangunan Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah di Air Keroh, di sini.

Beliau berkata Bank Dunia kini merujuk Malaysia sebagai negara contoh dan ramai pelabur asing telah datang ke negara ini untuk mengetahui bagaimana Malaysia mencapai pembangunan pesat.

Dr Mahathir berkata, jika dikaji dengan teliti Malaysia tidak sepatutnya membangun dengan pesat kerana rakyatnya terdiri daripada berbilang bangsa, agama, keturunan dan kebudayaan. -- Lagi

▼15/04/21-30MST

Bah

Mahathir - Ekonomi 2 Melaka

Katanya, bagaimanapun sistem yang diamalkan oleh Malaysia bagi membangunkan ekonomi rakyat dan merancang asas-asas untuk mengurangkan ketidaksefahaman antara kaum telah berjaya membawa kemakmuran dan pembangunan yang pesat.

+Kalau dulu kita dikecam dengan hebat mengenai sistem yang diamalkan tetapi hari ini ramai yang bertanya-tanya mengenai sistem yang dijalankan itu,+ katanya.

Dr Mahathir berkata ramai juga yang mengiktiraf sistem yang diamalkan oleh Malaysia.

Perdana Menteri memberi contoh di mana wujud rusuhan antara kaum sehingga menyebabkan perpecahan negara seperti di Soviet Union dan Yugoslavia kerana penduduknya yang berbilang kaum masing-masing mahu mewujudkan negara-negara kecil.

Dr Mahathir juga berkata, rakyat negara ini inginkan kemakmuran dan ini dapat dilihat pada setiap pilihan raya umum apabila mereka memilih +parti sederhana+ yang merupakan anggota-anggota komponen Barisan Nasional. -- Lagi

▼15/04/21-32MST

U GB 15-04 00052 BH801

Bah

Mahathir - Ekonomi 3 (akhir) Melaka

+Nasib baik tidak pilih parti ekstremis... jika tidak macam-macam berlaku,+ katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri yang ekstremis menghadapi masalah dan mengambil tindakan luar biasa dan yang tidak sewajarnya.

Parti yang sederhana boleh membangunkan negara, katanya. -- Bernama

▼15/04/21-33MST